

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sudah mempunyai draf undang-undang Hudud dan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan undang-undang Hudud dalam masa terdekat ini serta nyatakan kekangan serta halangan yang menyebabkan perlaksanaan undang-undang Hudud di negara ini tertangguh.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari kesesuaian syariah Islam untuk digunapakai dalam semua zaman, tempat dan keadaan. Secara asasnya, kanun jenayah Syariah terbahagi kepada tiga iaitu hudud, qisas dan takzir. Ianya bertujuan untuk menjaga prinsip perundangan Islam iaitu agama, nyawa,

akal fikiran, keturunan dan harta benda. Dan segi segi istilah, hudud ditakrifkan sebagai keseksaan yang telah ditetapkan oleh nas-nas Al-Quran dan As Sunnah yang wajib dilaksanakan sebagai hak Allah S.W.T. Kadar hukumannya tidak boleh dipinda sama ada dikurang atau ditambah. Jenis-jenis jenayah hudud ialah zina, qazaf, minum arak, mencuri, merompak dan murtad.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang serius bagi menangani permasalahan yang berlaku di negara ini khususnya kejadian jenayah melalui pelbagai usaha termasuklah melalui mekanisma perundangan. Undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini seperti Kanun Keseksaan (Disemak-1997) [Akta 574], Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak-1981) [Akta 234], Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] diwujudkan bagi membantu Kerajaan dalam menjamin keamanan negara. Oleh yang demikian, walaupun ia tidak dinamakan undang-undang Islam, ia boleh dikuatkuasakan ke atas semua lapisan masyarakat dan diyakini mampu menangani masalah jenayah yang berlaku sekaligus menjamin keamanan negara.

Di samping itu, berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Kuasa negeri, berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan.

Dalam hal ini, berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355], bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah di negara ini adalah terhadap hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk meningkatkan had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah Syariah melalui pindaan kepada Akta 355 tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman akan diperluaskan dan dipertingkatkan sesuai dengan maqasid Syariah.

Kerajaan juga terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini juga. Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf.

Komitmen Kerajaan dalam hal ini adalah jelas dan ia memerlukan sokongan padu dari semua pihak bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan.

Sekian, terima kasih.